

20 JUN 2001

Umno-Pemuda (Hishammuddin)

EMPAT AGENDA UNTUK HALATUJU BARU PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menggariskan empat agenda utama halatuju barunya dalam perjuangan merangkumi aspek agama, pendidikan, sosial dan latihan.

Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata pendekatan empat agenda itu, yang berpaksikan Islam dan berteraskan jatidiri Melayu, akan dilaksanakan secara serentak melibatkan peringkat akar umbi pergerakan itu.

Agenda agama akan memastikan Islam sebagai pembentuk pemikiran dan sistem kehidupan Melayu, katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Beliau berkata agenda pendidikan akan dijadikan teras pembinaan masyarakat Melayu cemerlang manakala agenda sosial akan mengarah kepada pembinaan kekuatan dan pembelaan nasib masyarakat Melayu terpinggir.

Agenda latihan pula, katanya, akan membangunkan anggota Pemuda yang kukuh budaya dan jatidirinya.

Hishammuddin berkata di bawah agenda agama, pergerakan itu menumpukan usaha untuk menghapuskan perasaan marah dan benci di kalangan ummah di samping memupuk persaudaraan dan menghindari perpecahan di kalangan orang Melayu.

Program Imam dan Bilal Muda, Kursus Pengurusan Jenazah, Seminar Keluarga Islam Unggul dan program Angkatan Muda Da'awah akan diperkenalkan untuk tujuan itu.

Bagi agenda sosialnya, pergerakan itu akan menjuarai isu terutamanya berhubung kemiskinan memandangkan kadar kemiskinan Melayu masih tinggi iaitu 10.3 peratus manakala kadar ketermiskinan 2.1 peratus, katanya.

Beliau berkata Pemuda juga akan terus memberi penekanan terhadap kebajikan penjaja/peniaga Melayu, pembahagian kekayaan sama rata kepada pengusaha industri pertanian menerusi Dasar Pertanian Negara serta gejala sosial seperti keruntuhan akhlak dan penyalahgunaan dadah di kalangan golongan muda Melayu.

Antara program yang sedang dilaksanakan ialah Program Pemuda Masuk Kampung-Setinggalan-Rumah Pangsa-Tanah Rancangan Felda serta menyemarakkan lagi Program Pemuda Prihatin, katanya.

Mengenai agenda pendidikan, Hishammuddin mencadangkan penubuhan Universiti Vokasional dan Teknikal untuk memartabatkan status latihan kemahiran di dalam negara serta menampung permintaan yang kian meningkat dalam bidang itu.

Beliau berkata Institusi Latihan Vokasional perlu diberikan wajah dan imej baru untuk membekalkan pekerja mahir di dalam bidang-bidang teknikal, mekanikal, elektrik dan elektronik.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pula diminta menyediakan Skim Khas Basiswa Pelajar Bumiputera kepada anak-anak muda Melayu yang datang dari keluarga berpendapatan rendah.

Beliau berkata sebagai mengenang jasa kakitangan awam, tabung itu disarankan membentuk skim bantuan pendidikan istimewa untuk anak-anak kakitangan awam.

Hishammuddin juga menegaskan Pemuda Umno akan terus mempertahankan kuota Bumiputera dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Pemuda meminta aliran pendidikan kebangsaan tidak dipertikaikan, malah diperkukuh, diperlengkap, diperkemas dan dipertingkatkan sehingga menjadi sistem pendidikan perdana.

Hishammuddin berkata profesion guru juga wajar dimartabatkan dengan aspek skim perkhidmatan, imbuhan, beban kerja, peralatan, persekitaran kerja, usia persaraan, kemajuan kerjaya, peluang melanjutkan pelajaran dan perkhidmatan sokongan, perlu dikaji semula.

Agenda latihan pergerakan itu pula akan ditekankan melalui Akademi Pemuda yang menjadi pusat untuk mempertingkatkan keupayaan para anggota dengan menerapkan modul-modul latihan merangkumi aspek patriotisme, perjuangan dan penghayatan falsafah parti.

Pemuda juga, katanya, menyokong penuh usaha membersihkan Umno dari amalan politik wang.

"Cabaran untuk Pemuda Umno adalah bukan sahaja perlu berfungsi tetapi hendaklah dilihat berfungsi. Jadikanlah pergerakan kita sebagai saluran dua hala yang berterusan di antara rakyat dan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

JM ZS RON